

# Sape Kontemporari

Yakup Mohd Rafee

Seni persembahan tradisional di Sarawak juga telah mula berkembang dan berevolusi sesuai dengan kemajuan negara. Penggunaan teknologi dan sistem digital telah banyak mengubah seni tradisional ini termasuk dari segi persembahan, alat muzik dan susun atur lagu. Malah, evolusi ini juga telah memberi peluang kepada generasi muda untuk menjelajah dan memberi nafas baru kepada seni tradisional untuk digabungkan dengan pendekatan yang lebih kontemporari. Antara alat muzik yang telah menerima arus perubahan ini adalah alat muzik tradisi Sarawak iaitu sape. Sape kontemporari merupakan pendekatan muzik masa kini menggunakan alat muzik tradisional sape tetapi disesuaikan dengan rentak muzik semasa dan moden.

*The traditional performing arts in Sarawak are beginning to spread and evolve coherent with the country's progress. The use of technology and digital systems has transformed the traditional arts, including performances, musical instruments, and song arrangements. In fact, this evolution provides young people with the opportunity to explore and revive traditional art with a contemporary approach. Among Sarawak's traditional musical instruments that have evolved with the contemporary approach is an instrument called Sape. A contemporary sape is an adaptation of the traditional sape to the modern music rhythms.*